

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah penasihat rasmi Perdana Menteri di bawah Pejabat Perdana Menteri dan berapakah jumlah bayaran yang dibayar (termasuk semua elaun) bagi setiap seorang penasihat tersebut setiap bulan dan siapakah penasihat-penasihat tersebut; dan
- (b) berapakah setakat April 2014, jumlah bayaran yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada Paul Stadlen sebagai anggota Pasukan Komunikasi Kebangsaan (National Communications Team) Pejabat Perdana Menteri.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai 4 orang Penasihat seperti berikut:

- i. YBhg. Dato' Seri Dr. Abdullah Bin Md Zin;
- ii. YBhg. Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum;
- iii. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan
- iv. YBhg. Dato' Sri Shahrizat Binti Abdul Jalil.

Kerajaan hanya membayar gaji dan elaun mengikut kelayakan masing-masing berdasarkan kepakaran yang diberikan.

Sehingga kini, Kerajaan tidak membuat sebarang pembayaran gaji kepada Paul Stadlen.

Sekian. Terima kasih.